Pentadbiran Berhierarki di Sarawak

Majlis Tertinggi

Menubuhkan Majlis Tertinggi pada 1892 yang ahlinya terdiri daripada Rajah Sarawak, 3 pegawai Eropah dan 4 orang Datu, iaitu Datu Bandar, Datu Temenggung, Datu Imam dan Datu Hakim. Majlis ini bertemu sekurang-kurangnya sekali sebulan dan memberikan nasihat kepada Rajah Brooke.

Majlis Negeri telah ditubuhkan pada tahun 1865 oleh Charles Brooke yang merupakan majlis pertemuan antara pemimpin tempatan dengan pegawai-pegawai kerajaan. Pertemuan diadakah tiga tahun sekali di Kuching.

Residen

Seorang Residen menjalankan kerja pentadbiran di setiap bahagian berpusat di Kuching, Simanggang, Sibu, Marudi dan Lawas. Residen dibantu oleh Penolong Residen.

Jawatan Residen, Penolong Residen dan Pegawai daerah dipegang oleh pegawai Eropah.

Bahagian

Setiap Bahagian dibahagikan kepada beberapa daerah yang ditadbir oleh Pegawai Daerah yang dibantu oleh pegawai tempatan.

Kampung

Pentadbiran pada peringkat kampung turut diperkemaskan melalui jawatan penghulu yang menjadi ketua bagi satu atau lebih kampung. Kuasanya adalah mentadbir kawasannya dan boleh mengadili kes-kes jenayah yang kecil.

Di kawasan kampung pula diwujudkan Tua Kampung yang bertanggung jawab menyelesaikan perselisihan kecil.